

270 tong bahan kimia dibuang secara haram meletup

## Bahan kimia tak berbahaya

EXCO turut akui ada kesan sabotaj pada tong untuk lupuskan bukti

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Bahan kimia yang ditemui di tapak pembuangan sampah haram di Jalan Kapar Batu 16, Kampung Tambak Jawa, pada 20 November lalu adalah bahan kimia tidak berbahaya dan disyaki sebagai buangan berjadual.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian, berkata hasil siasatan mendapati 244 tong di lokasi pertama disyaki mengandungi buangan seperti SW 303 (pelekat), SW 321 (getah) dan SW 322 (pelarut organik).

Katanya, di lokasi kedua yang terletak di kawasan lapang di Jalan Keretapi Lama, Jeram, iaitu

kira-kira 500 meter dari lokasi pertama, pihak berkuasa turut menemui sebanyak 23 tong bahan kimia yang juga mengandungi buangan sama serta dipercayai dilupuskan pihak sama.

"Sebanyak 13 sampel diambil daripada tong serta tanah tercemar di lokasi kejadian dan semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis komposisi dan kandungan.

"Malah, kita masih menunggu laporan siasatan dan menyeru penduduk setempat untuk tidak bimbang kerana ia (bahan kimia) tidak berbahaya," katanya pada sidang media, semalam.

Loy Sian turut mengakui ada kesan sabotaj pada tong yang dilakukan pihak berkenaan bagi melupuskan bahan bukti.

"Hasil siasatan awal juga mendapati ada pihak yang masuk ke kawasan itu dan membocorkan bahan kimia itu supaya ia mengalir keluar.

"Buat masa ini, kita belum tangkap sesiapa dan kita syaki ada kenderaan yang masuk ke lokasi kejadian menggunakan nombor pendaftaran palsu," katanya.



Loy Sian (kiri) pada sidang media di Kuala Selangor, semalam.

(Foto Amirul Aiman Hamsuddin/BH)